

Abdullah sebak kenang perjuangan pengasas UMNO

Um - 12/5/2007

KUALA LUMPUR 11 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebak menyaksikan video *Atas Nama Perjuangan* yang memaparkan pengorbanan pengasas dan ahli-ahli UMNO dari segi masa dan wang bagi memastikan parti itu terus kukuh dan negara mencapai kemerdekaan.

Presiden UMNO berkata, babak yang paling menyentuh perasaan dalam video selama setengah jam itu ialah perbualan Ketua Pemuda UMNO ketika itu, Allahyarham Tun Sardon Jubir yang menyatakan kerelakan untuk memberi laluan sekiranya Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba ingin mencabarnya dalam pemilihan pergerakan itu.


"Memang saya menangis, senyap-senyap tadi. Perbualan ini benar-benar berlaku pada 1953, percakapan antara dua saudara mengenai siapa yang hendak menjadi ketua."

"Ia menunjukkan bahawa lebih baik kita bermuafakat dan bertolak ansur kerana pergaduhan hanya akan menyusahkan ahli-ahli UMNO dan parti," kata Abdullah pada sidang akhbar selepas menyaksikan tayangan video dan menyampaikan amanat pada majlis Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-61 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sebelum itu, ketika berada di pentas menyampaikan amanatnya, Abdullah sempat berseloroh: "Air mata tak kering lagi."

Sewaktu berucap, Abdullah sekali lagi sebak apabila mengimbau pengalamannya yang berpeluang melihat sendiri susah payah perjuangan ahli-ahli UMNO.

"Ketika saya tengok video tadi banyak



ABDULLAH Ahmad Badawi menahan sebak sewaktu memulakan ucapan sejurus selepas menyaksikan tayangan video pengorbanan pengasas UMNO pada Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-61 di PWTC, semalam.

perkara yang dapat saya ingat pada masa saya kecil. Saya ketika itu tidak terlalu kecil untuk memahami apa yang berlaku tetapi belum cukup dewasa untuk menyertai parti.

"Saya dapat melihat dan mendengar perbualan pejuang parti kita, termasuk Allahyarham Haji Ahmad Badawi Abdullah, bapa saya dan datuk saya, Allahyarham Haji Abdullah Fahim serta kawan-kawan yang datang ke rumah," ujarnya.

Beliau menambah: "Saya tahu mak saya (Allahyarham Datuk Kailan Hassan) cerita berapa banyak gelangnya telah pergi ke

pajak gadai, tebus, gadai lagi, tetapi Alhamdulillah, mak saya juga kata semua yang digadaikan itu telah ditebus kemudian sesudah merdeka."

Kata Abdullah, beliau juga tahu bagaimana Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengorbankan kekayaan dan tanah-tanahnya untuk perjuangan parti.

"Orang tua saya pun begitu juga, enam ekar (2.4 hektar) tanah sawah terpaksa dijual. Saya tahu ada kebun getah kecil pun dijual... semuanya hanya kerana nak jaya-

kan perjuangan parti dan saya percaya banyak lagi orang lain (melakukan pengorbanan sama)," ujarnya.

Abdullah juga berkata, beliau masih ingat pengorbanan ahli-ahli UMNO yang terpaksa menunggang motosikal untuk menghadiri perhimpunan parti di Kuala Lumpur dengan menumpang di rumah kawan-kawan.

"Saya ingat kisah ini kerana saya tidak pernah terlepas daripada menghadiri perhimpunan agung UMNO bermula sebagai pemerhati hingga sekarang," katanya.